From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KOLABORASI SEFB-FAMA: TEROKA POTENSI PEMBANGUNAN PROFESIONAL DAN PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI
Date: Sunday, 13 September, 2026 10:01:56 PM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

13 SEPTEMBER 2026 / 1 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Diara Md Jadi

KOLABORASI SEFB-FAMA: TEROKA POTENSI PEMBANGUNAN PROFESIONAL DAN PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI



UUM ONLINE: Selangor, 8 September 2026 – Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus meluaskan jaringan strategik bersama industri menerusi satu kunjungan hormat ke ibu pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membincangkan pelbagai potensi kerjasama yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Kunjungan delegasi SEFB-UUM yang diketuai oleh Dekan SEFB, Prof. Madya Dr. Rasidah Mohd Rashid, bersama wakil pengurusan SEFB telah disambut baik oleh Ketua Pengarah FAMA, YBrs. Encik Faisal Iswardi bin Ismail. Sesi perbincangan yang sarat dengan percambahan idea ini turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada setiap bahagian di FAMA.

Fokus utama perbincangan tertumpu kepada pengukuhan sinergi universiti-industri melalui agenda pembangunan modal insan, di mana FAMA menzahirkan minat terhadap kolaborasi program pascasiswazah kohort khas dan kursus jangka pendek pengurusan risiko bagi meningkatkan kompetensi staf FAMA.



Di samping bersedia menyumbang kepakaran dalam penasihatan program Agribusiness di UUM, pihak FAMA turut menyambut baik hasrat SEFB untuk memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperluas kolaborasi inovasi, penyelidikan bersama, dan kelestarian sektor agromakanan selari dengan kepakaran SEFB.

Ketua Pengarah FAMA turut menyatakan hasrat beliau untuk mengadakan kunjungan balas ke UUM pada masa akan datang. Lebih membanggakan, beliau yang juga alumni SEFB UUM menyatakan kesediaan untuk kembali menabur bakti dan sumbangan kepada alma mater.



Menerusi program dan platform yang bersesuaian kelak, beliau berhasrat untuk berkongsi pengalaman industri yang luas bersama para pelajar dan komuniti UUM.

Pertemuan strategik ini mencerminkan komitmen berterusan SEFB UUM dalam membina ekosistem kerjasama yang lebih mampan bersama agensi kerajaan, sekali gus memastikan kualiti graduan dan program akademik yang ditawarkan sentiasa sejajar dan relevan dengan keperluan pasaran semasa.

ZMS/JKK/2026



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.